

27/06/2003

Rakyat Kelantan menaruh harapan tinggi kepada Mustapa

Nik Suraya Nik Ramlee

UMNO Kelantan di bawah kepemimpinan Datuk Mustapa Mohamed (Tok Pa) kini berada pada landasan paling baik untuk mengembalikan kecemerlangan Umno negeri ini.

Sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Tok Pa mempunyai gaya kepemimpinan tersendiri yang cukup disenangi oleh ahli parti dan masyarakat.

Oleh itu, semua pihak tidak perlu meragui kepemimpinan beliau dalam menerajui Umno Kelantan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Kami juga berkongsi kebimbangan dengan Exco Pemuda Umno yang juga Ketua

Pemuda Umno Tanah Merah, Ikmal Hisham Abdul Aziz terhadap sikap sesetengah

pihak yang mempertikaikan kewibawaan Tok Pa.

Pada kami, beliau adalah pemimpin berjiwa rakyat, peka dengan keadaan sekeliling serta proaktif dengan kehendak dan cita rasa masyarakat. Hasilnya, kita dapat melihat arus kebangkitan baru di kalangan golongan muda di Kelantan yang memberikan sokongan padu kepada Umno dan menolak politik sempit yang diperjuangkan Pas.

Sehubungan itu, Puteri Umno Kelantan berharap suasana harmoni dan keutuhan perpaduan yang sudah terbina di kalangan ahli Umno negeri dapat dipertingkatkan.

Sebagai sayap baru dalam Umno, Puteri yakin dengan kerjasama Pergerakan

Wanita dan Pemuda serta sokongan semua ahli, kita dapat merampas Kelantan

daripada Pas.

Kepemimpinan Tok Pa sangat diperlukan kerana rakyat Kelantan menaruh harapan tinggi kepada beliau membawa kemajuan negeri ini. Rakyat negeri ini bosan dengan pelbagai janji politik yang tidak ditunaikan pemimpin Pas.

Bagi ahli Umno, karisma dan kelebihan yang ada pada Tok Pa perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Beliau perlu diberi sokongan padu segenap lapisan

ahli dan barisan kepemimpinan untuk memudahkan usaha menawan Kelantan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berulang kali mengingatkan ahli Umno supaya mengekalkan semangat bersatu padu dan menyemarakkan kesetiaan kepada parti.

Dalam Perhimpunan Agung yang baru berlalu, kita dapat melihat ahli parti

dari seluruh negara berikrar untuk mengutamakan kepentingan parti, menjaga

perpaduan dan kestabilan serta taat kepada pemimpin yang dipilih.

Puteri Umno Kelantan berharap ikrar yang kita lafazkan itu dihayati dan

diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

Dalam hubungan ini, ahli Puteri yang masih baru dalam politik mengharapkan pedoman dan contoh teladan yang baik daripada ahli Umno.

Berilah sokongan padu kepada pemimpin yang mendapat kepercayaan
Presiden,
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden untuk mengembalikan
Kelantan ke tangan Umno.
NIK SURAYA NIK RAMLEE,
Ketua Pergerakan Puteri Umno Kelantan.